

# Estetika *al-Tibaq* dalam Surah al-Hadid

## [The Aesthetics of Antithesis (*al-Tibaq*) in Surah al-Hadid]

**BITARA**

Volume 8, Issue 2, 2025: 337-343  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 1 May 2025  
Accepted: 28 May 2025  
Published: 30 Jun 2025

Nur Alya Husna Mohd Asri<sup>1</sup> & Md Nor Abdullah<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: monab@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: monab@ukm.edu.my

### Abstrak

Unsur *al-tibaq* merujuk kepada teknik retorik yang melibatkan penggabungan dua idea atau konsep bertentangan dalam satu ayat atau ungkapan. Teknik ini digunakan untuk menonjolkan perbezaan yang jelas antara konsep tersebut sekali gus menghasilkan kesan yang mendalam dan berkesan kepada pembaca. Kajian ini bertujuan untuk meneroka estetika *al-tibaq* (*antithesis*) dari aspek ilmu balaghah, di samping menganalisis *al-tibaq* yang terdapat dalam surah al-Hadid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang berteraskan analisis kandungan dan data dikumpul menerusi kaedah analisis dokumen, seterusnya dianalisis mengikut tema dalam perbahasan *al-tibaq* untuk meneliti bagaimana unsur *al-tibaq* menyumbang kepada kesan estetika dan kedalaman makna teks al-Quran. Hasil kajian mendapati *al-tibaq* diterap dan diaplikasikan dalam surah al-Hadid. Terdapat enam perkataan *al-tibaq* dan hanya *al-tibaq al-ijabi* sahaja yang terkandung dalam analisis surah tersebut. Oleh yang demikian, penemuan ini menunjukkan penggunaan *al-tibaq* bukan sahaja meningkatkan keindahan bahasa, bahkan memperkaya pemahaman pembaca terhadap mesej dan nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran serta pada masa sama menjadikan pembacaan lebih bermakna dan mendalam.

**Kata kunci:** *al-Tibaq*, Estetika, Surah al-Hadid

### Abstract

The element of *al-tibaq* refers to a rhetorical technique that involves the juxtaposition of two opposing ideas or concepts within a single sentence or expression. This technique is employed to highlight the stark contrast between the concepts, thereby creating a profound and impactful effect on the reader. This study aims to explore the aesthetic dimension of *al-tibaq* (*antithesis*) from the perspective of balaghah (Arabic rhetoric), while also analysing instances of *al-tibaq* found in Surah al-Hadid. The study adopts a qualitative research design based on content analysis, with data collected through document analysis and subsequently analysed thematically in accordance with the discourse on *al-tibaq*. This approach seeks to examine how the element of *al-tibaq* contributes to the aesthetic appeal and semantic depth of the Qur'anic text. The findings reveal that *al-tibaq* is indeed employed and applied in Surah al-Hadid. A total of six occurrences of *al-tibaq* were identified, all of which fall under the category of *al-tibaq al-ijabi* (positive antithesis). These findings suggest that the use of *al-tibaq* not only enhances the linguistic beauty of the text but also enriches the reader's understanding of the messages and values conveyed in the Qur'an, thereby rendering the reading experience more meaningful and profound.

**Keywords:** *al-Tibaq*, Aesthetics, Surah al-Hadid



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Nur Alya Husna Mohd Asri & Md Nor Abdullah. (2025). Estetika *al-tibaq* dalam surah al-Hadid [*The aesthetics of antithesis (al-tibaq) in surah al-Hadid*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 337-343.

## Pengenalan

Ilmu balaghah yang juga dikenali sebagai retorik Arab memiliki peranan yang amat penting dalam penafsiran al-Quran. Ilmu ini menyediakan kerangka asas untuk memahami keindahan dan kedalaman bahasa Arab khususnya dalam teks yang paling agung dalam agama Islam iaitu al-Quran (Hasanah, 2021). Oleh itu, peranan balaghah sangat penting dalam mengurai pelbagai gaya bahasa, struktur ayat dan ungkapan yang digunakan dalam al-Quran. Ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman terhadap makna ayat-ayat al-Quran, bahkan dapat merasai keindahan sastera dan nuansa yang terdapat dalam teks suci ini. Oleh itu, ilmu balaghah berfungsi sebagai alat penting bagi mereka yang ingin mendalami dan menafsirkan al-Quran dengan lebih mendalam dan bermakna.

Sujai dan Setyawan (2021) menyatakan balaghah dalam al-Quran ditampilkan melalui kehalusan bahasa, pemilihan kata yang tepat dan penyusunan idea yang strategik. Ini bertujuan untuk menguatkan konsep-konsep utama dalam agama Islam, menjadikan hujah lebih meyakinkan serta memastikan mesej tersebut dapat dirasai oleh semua pembaca. Antara bentuk balaghah yang sering muncul dalam al-Quran adalah *al-tibaq (antithesis)* dan alat retorik ini berperanan penting dalam menggambarkan aspek dualisme dan kontras yang ada dalam al-Quran. Dengan menggunakan balaghah, al-Quran bukan sahaja menyampaikan mesej tetapi juga membentuk pengalaman emosi yang dapat dijiwai oleh pembaca. Ini menjadikan ajaran agama lebih relevan dan mudah dihayati sekali gus mengukuhkan hujah dan konsep yang ingin disampaikan. Dalam konteks ini, balaghah berfungsi sebagai jambatan antara bahasa dan pemahaman. Menjadikan al-Quran sebuah teks yang kaya dengan makna dan estetika. Seterusnya, penerangan *al-tibaq* secara menyeluruh dalam surah al-Hadid akan dilanjutkan dalam perbincangan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian. Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini akan diuraikan diikuti sorotan kajian, hasil kajian yang diperoleh, kesimpulan dan rujukan yang digunakan dalam penulisan ini.

## Pernyataan Masalah

Penggunaan *al-tibaq* merupakan komponen dalam *al-muhassinat al-ma'awiyyah* dalam al-Quran al-Karim menjadikan ayat itu bertambah indah dari segi makna. Bahkan, ia boleh menimbulkan perasaan terbuai-buai dan asyik dalam kalangan pembaca mahupun pendengar Maryam et al. (2023). Oleh yang demikian, melalui penggunaan unsur *al-tibaq*, pembaca didorong untuk berfikir lebih dalam tentang tema-tema yang diangkat. Ini membawa kepada penghayatan yang lebih mendalam terhadap teks, dan pembaca bukan sahaja melihat apa yang tertulis, tetapi juga merenungkan implikasi dan makna di sebalik pertentangan yang dibentangkan. Di samping itu, keindahan al-Quran terserlah dengan banyaknya *uslub al-tibaq* (Suhaimi, 2020). Teknik ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembaca, tetapi juga

menjadikan al-Quran sebagai karya sastera yang luar biasa. Penerapan uslub ini menunjukkan betapa pentingnya bahasa dalam menyampaikan mesej yang mendalam dan bermakna menjadikan al-Quran sebuah mukjizat yang terus relevan dan indah sepanjang zaman. Elemen balaghah dalam al-Quran, terutama *al-tibaq* bukan hanya berfungsi sebagai hiasan linguistik, tetapi juga sebagai alat yang berkesan dalam menyampaikan pengajaran mengenai tauhid dan aspek kerohanian (Dror, 2017). Namun, tafsiran moden sering kali mengabaikan pentingnya alat retorik ini yang mengakibatkan pembaca atau pendengar sukar untuk memahami maksud sebenar di sebalik setiap perbandingan yang dibuat oleh Allah SWT dalam al-Quran (Adli et al., 2024).

Seterusnya, terdapat kajian ilmiah yang telah mengkaji secara mendalam aspek retorik dalam al-Quran, namun peranan khusus *al-tibaq* masih belum diterokai secara menyeluruh. Sebahagian besar kajian cenderung memberi tumpuan kepada elemen ilmu *bayan* dalam al-Quran seperti *isti'arah* (metafora), *tashbih* (perumpamaan) dan *tamthil* (alegori) (Alhusban & Alkhawaldah, 2018; Firdaus et al., 2022; Hammood & Khalid, 2019; Nurbayan, 2019; Rumman & Al Salem, 2023). Namun, kekurangan penyelidikan yang mendalam mengenai *al-tibaq* menunjukkan terdapat ruang yang luas untuk eksplorasi. Unsur ini bukan sahaja memperkaya bahasa al-Quran tetapi juga mempunyai potensi besar dalam menyampaikan mesej teologi dan etika. Dengan mengabaikan aspek ini, kemungkinan akan kehilangan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana Allah SWT membina naratif dan menyampaikan ajaran-Nya.

Justeru, kajian ini berhasrat untuk menghidupkan semula kajian balaghah dalam penafsiran al-Quran dengan menghuraikan definisi *al-tibaq* secara menyeluruh dan menganalisis unsur *al-tibaq* dalam penafsiran surah al-Hadid. Dengan memenuhi kedua-dua objektif ini, kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan kajian *balaghah al-Qur'an* serta memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana alat retorik ini berfungsi dalam menyampaikan mesej teologi dan moral yang mendasari ajaran Islam.

## Metode Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu tertumpu kepada pendekatan analisis kandungan. Kaedah pengumpulan data kualitatif melalui tinjauan literatur adalah satu kaedah untuk menerokai dan memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam (Ismail & Ali, 2021). Selain itu, kaedah pengumpulan data melalui kualitatif adalah penting memandangkan kaedah ini berupaya memperoleh pendapat, idea dan maklumat yang lebih terperinci. Proses pengumpulan data ini melibatkan penggunaan gaya bahasa *al-tibaq* dalam teks al-Quran al-Karim. Pendekatan tersebut dipilih memandangkan kajian ini memfokuskan kepada unsur *al-tibaq* dalam surah al-Hadid. Dokumen ialah sumber yang paling mudah kepada pengkaji untuk mendapatkannya. Hal ini kerana maklumat yang diperlukan sedia ada dan juga dipercayai. Dengan demikian, kajian ini menggunakan sumber-sumber dari capaian internet, buku-buku, tesis-tesis terdahulu, artikel jurnal dan data primer iaitu al-Quran. Seterusnya, data yang dikumpulkan ini dianalisis mengikut tema dalam perbahasan *al-tibaq* yang menentukan konteks kajian terhadap estetik *al-tibaq* dalam surah al-Hadid.

## Persoalan dan Objektif Kajian

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini, satu rangka kerja yang sistematis telah dibangunkan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian yang relevan. Persoalan-persoalan ini menjadi panduan utama dalam pengumpulan dan analisis data serta membantu dalam mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai tema kajian yang diketengahkan seperti berikut: (a) apakah definisi *al-tibaq* dari aspek ilmu Balaghah?; dan (b) apakah ciri-ciri estetik *al-tibaq* dalam surah al-Hadid?. Sementara itu, kajian dilakukan bagi mencapai objektif berikut: (a) menguraikan definisi *al-tibaq* dari aspek ilmu Balaghah; dan (b) menganalisis ciri-ciri estetik *al-tibaq* dalam surah al-Hadid.

## Tinjauan Literatur

*Al-Tibaq* sering digunakan untuk menambah keindahan dan kekuatan dalam penyampaian mesej al-Quran. Hal ini menjadikan al-Quran bukan sahaja sebagai sumber petunjuk tetapi juga karya sastera yang menakjubkan. Di samping itu, keistimewaan unsur *al-tibaq* menjelaskan makna sesuatu ayat berdasarkan pertentangannya. Keserasian makna di antara dua perkataan yang berlawanan mampu merangsang minda secara efektif untuk memahami sesuatu teks yang ingin disampaikan (Jasni & Ismail, 2024). Kajian Maryam et al. (2023) mendapati hasil daripada penilitian terhadap 76 perkataan *al-tibaq* dalam surah al-Baqarah, berlaku pengulangan perkataan berlawanan yang sama seperti langit dan bumi, dunia dan akhirat, timur dan barat serta hidup dan mati. Bahkan pengulangan langit dan bumi berlaku dalam ayat yang sama. Berikutnya, menurut Dinarianti et al. (2024), hasil kajiannya terhadap *al-tibaq* dalam surah al-Fath mendapati sembilan ayat yang mengandungi unsur *al-tibaq*, iaitu ayat kedua, keempat, keenam, ketujuh, kesembilan, kesepuluh, keempat belas dan kedua puluh lima, semuanya merupakan jenis *al-tibaq al-ijabi*.

Selain itu, kajian Arnita et al. (2024) dalam surah al-Zumar mendapati terdapat beberapa kata berlawanan maknanya dalam satu ayat yang merupakan pembahagian dari *al-muhassinat al-ma'naviyah*, iaitu gaya bahasa yang menggabungkan antara dua kata yang berlawanan dalam sebuah kalimat. Berhubungan dengan itu, hasil dapatan yang diperoleh terdapat lapan unsur *al-tibaq* dalam surah al-Zumar, iaitu pada ayat kelima, kesembilan, kedua puluh tiga, kedua puluh enam, ketiga puluh dua, ketiga puluh lapan, keempat puluh enam, keenam puluh lapan, dan terdapat tujuh *al-tibaq al-ijabi* dan satu *al-tibaq al-salabi*. Di samping itu, menurut Adli et al. (2024), *al-tibaq* memainkan peranan penting dalam penafsiran al-Quran terutama untuk menonjolkan perbezaan seperti kehidupan dengan kematian, kepercayaan dengan kekufuran serta dunia dengan akhirat. Perbezaan ini mendorong pembaca untuk melakukan refleksi mendalam tentang akibat setiap pilihan, keadilan Allah SWT dan realiti kehidupan akhirat. Selanjutnya, perkembangan ilmu balaghah seiring dengan perkembangan bahasa Arab. Ini memandangkan ilmu balaghah merupakan satu daripada elemen asas dalam bahasa Arab selain daripada *nahw* (tatabahasa), *sarf* (morfologi) dan sebagainya. Bahkan balaghah merupakan elemen penting dalam pengucapan seni bahasa Arab, syair, prosa dan sebagainya (Misnan, 2017). Oleh yang demikian, adalah penting bagi setiap individu Muslim untuk mempelajari ilmu balaghah bersama ilmu *nahw* dan juga *sarf*. Penguasaan ilmu ini boleh

membantu mereka dalam memahami dan menghayati bahasa Arab terutama dalam konteks al-Quran al-Karim.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas mengenai *al-tibaq* menunjukkan kekurangan kajian yang mendalam mengenai penggunaan *al-tibaq* dalam surah al-Hadid. Meskipun terdapat banyak kajian yang meneliti *al-tibaq* dalam surah-surah lain seperti al-Baqarah dan al-Fath, akan tetapi tiada kajian yang secara khusus menumpukan pada surah al-Hadid. Hal ini menunjukkan terdapatnya jurang dalam literatur yang perlu diisi untuk memahami sepenuhnya peranan dan keindahan *al-tibaq* dalam konteks keseluruhan al-Quran.

## Dapatan dan Perbincangan

Definisi <i>al-tibaq</i> dari aspek ilmu balaghah:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>al-Tibaq al-Ijabi</i></li> <li>2. <i>al-Tibaq al-Salbi</i></li> </ol>
Dapatan kajian:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. al-Hadid ayat 2</li> <li>2. al-Hadid ayat 3</li> <li>3. al-Hadid ayat 4</li> <li>4. al-Hadid ayat 6</li> <li>5. al-Hadid ayat 19</li> <li>6. al-Hadid ayat 20</li> </ol>
Analisis unsur <i>al-tibaq</i> dalam surah al-Hadid:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>al-Tibaq al-Ijabi</i> (dua perkataan berlainan yang berlawanan maknanya)</li> <li>2. <i>al-Tibaq al-Salbi</i> (dua perkataan yang sama tetapi berlawanan dengan menggunakan lafadz "tidak/bukan" لَا, عَلَيْنَا, لَنَا)</li> </ol>

No	Ayat	Perbandingan	Jenis <i>al-Tibaq</i>
1.	al-Hadid, Ayat 2:  لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ	وَيُبَيِّثُ (hidup) (mati) نَحْيٌ وَمَيْتٌ	<i>al-Tibaq al-Ijabi</i>
2.	al-Hadid, Ayat 3:  هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ	وَالْآخِرُ (akhir) (awal) وَالبَاطِنُ (batin) (zahir) الظَّاهِرُ	<i>al-Tibaq al-Ijabi</i>
3.	al-Hadid, Ayat 4:  هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يَعْلَمُ مَا يَلْتَهُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزَلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَغْرِبُ فِيهَا وَهُوَ مَعْلُومُ أَئِنَّ مَا كَنَثْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ	يَخْرُجُ (keluar) (masuk) يَغْرِبُ (turun) (naik) يَلْتَهُ	<i>al-Tibaq al-Ijabi</i>

4.	al-Hadid, Ayat 6:  يُولَجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولَجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَهُوَ عَلَيْهِ بِدَائِتِ الصُّدُورِ	(الليل) (siang) (malam)	<i>al-Tibaq al-Ijabi</i>
5.	al-Hadid, Ayat 19:  وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ أُولَئِكَ هُمُ الْمُسْتَبِطُونَ وَالشُّهَدَاءُ عَنْ رَبِّهِمْ لَهُمْ أَعْزَرُهُمْ وَأَثْوَرُهُمْ وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِإِيمَانِنَا أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ	كَفَرُوا (beriman) (kafir)	<i>al-Tibaq al-Ijabi</i>
6.	al-Hadid, Ayat 20:  اَعْلَمُوا اَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعْبٌ وَلَفْوٌ وَزِينَةٌ وَقَاتِلُرْ بَيْنَكُمْ وَكَافَرُ فِي الْاُمُوَالِ وَالْاُؤْلَادِ كَمَنَّى عِيشٌ اَعْجَبَ الْكُفَّارَ بِنَاهِيَةِ نَهَيَةِ قَرَارِهِ مُصْفَرًا لَمْ يَكُونُ حُطَامًا وَفِي الْاُخْرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَضُوانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ	الآخرة (dunia) (akhirat)	<i>al-Tibaq al-Ijabi</i>

## Kesimpulan

Melalui penerapan teknik *al-tibaq*, al-Quran bukan sahaja menyampaikan mesej yang jelas tetapi juga mendorong pembaca untuk merenungkan pilihan yang ada dalam kehidupan sama ada antara kebaikan dan kejahatan, atau antara dunia dan akhirat. Ini menunjukkan setiap ungkapan yang dipilih adalah penuh dengan makna dan implikasi mendalam yang memerlukan pembaca untuk berfikir secara kritis dan reflektif. Dalam hal ini, *al-tibaq* berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan bahasa dengan pemahaman spiritual yang lebih mantap menjadikan al-Quran sebuah teks yang bukan sahaja informatif tetapi juga estetik.

Sungguhpun terdapat pelbagai kajian yang meneliti aspek retorik dalam al-Quran terdapat kekurangan pemahaman yang mendalam mengenai *al-tibaq*, terutama dalam surah al-Hadid. Ini menunjukkan terdapat jurang dalam literatur yang perlu diisi. Dengan mengkaji *al-tibaq* secara lebih khusus kajian ini berhasrat untuk menyumbang kepada pengembangan ilmu balaghah dalam konteks al-Quran dan memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang elemen-elemen retorik ini berfungsi untuk menyampaikan pengajaran moral dan teologi yang mendalam. Penulisan ini bukan sahaja menyoroti keindahan bahasa dan struktur dalam surah al-Hadid tetapi juga menekankan pentingnya pemahaman ilmu balaghah bagi setiap individu Muslim. Dengan penguasaan ilmu ini, mereka dapat lebih menghargai keindahan dan kedalam makna dalam ayat-ayat al-Quran serta mendorong mereka untuk merenung dan menghayati ajaran Islam dengan lebih mendalam. Seterusnya, penulisan ini membuka ruang untuk eksplorasi yang lebih luas dalam bidang balaghah dan penafsiran al-Quran sekali gus menggalakkan penyelidikan lanjut untuk memahami keunikan dan keindahan al-Quran sebagai sumber rujukan utama umat Islam.

## Rujukan

- Adli, N.M.A.A.N. & Abdullah, M.N. 2024. Peranan ilmu balāghah dalam penafsiran al-Quran: Kajian terhadap *al-ṭibāq* dan *al-muqābalah*. *Jurnal ‘Ulwan* 9(2): 71-85.
- Alhusban, A.M. & Alkhawaldah, M. 2018. Meaning construction of selected Quranic metaphors. *International Journal of Linguistics* 10(6):134-148.
- Arnita, Alia, N. & Rahmah, W. P. 2024. At-Thibaq dalam al-Qur'an surah az-Zumar. *Al-Muallaqat: Journal of Arabic Studies* 3(2): 19-27.
- Dinarianti, Henra & Amanda, R. 2024. At-Thibaq dalam al-Qur'an surah al-Fath. *Al-Muallaqat: Journal of Arabic Studies* 3(1): 16-27.
- Dror, Y. 2017. Grammatical parallelism in the Qur'ān. *Archiv Orientální: Journal of African and Asian Studies* 85(2): 165-189.
- Firdaus, D., Hulawa, D.E., Susanti, F.D. & Pamil, J. 2022. al-Isti‘ārah fī al-ayāt al-Qur’āniyyah wa tarjamatihā ilā al-Indūnīsiyyah. *ALSUNIYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Budaya Arab* 5(1): 62-81.
- Hamood, S.M. & Khalid, R.W. 2019. Emotional metaphors in the glorious Quran with reference to their realizations in English. *Journal of University of Human Development* 5(3 SE-Conference Paper): 182-189.
- Hasanah, U. 2021. Rhetoric in Islamic tradition: Paradigm and its development. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 15(2): 241-252.
- Ismail, A.M. & Ali, M.N.S. 2021. *Mengenali Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: Fakulti Pengajaran Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasni, S.R. & Ismail, M.H. 2024. Analisis al-badi' dalam *Riyad al-Salihin*. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*, hlm. 344-351.
- Maryam, A., Ismail, F. & Zainal, N.H. (2023). Analisis al-tibaq dalam surah al-Baqarah: Kajian terhadap 76 perkataan dengan pertentangan makna. *Jurnal Kajian Quran* 5(2): 55-70.
- Misnan, S.N. 2017. Perkembangan kajian al-takrar dan pengaruh terhadap pemikiran al-Karmani. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajaran Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajaran Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurbayan, Y. 2019. Metaphors in the Quran and its translation accuracy in Indonesian. *Indonesian Journal of Applied Linguistic* 8(3): 710-715.
- Rumman, R.N.A. & Al Salem, M.N. 2023. The translation of Quranic metaphorical expressions from Arabic into English. *Journal of Language Teaching and Research* 14(3): 646-655.
- Suhaimi. 2020. Keindahan-keindahan makna dalam al-Qur'an: Analisis tentang *thibaq* dan *muqabalah*. *Jurnal Ilmiah al-Mua'ashirah* 17(1): 32.
- Sujai, A. & Setyawan, C.E. 2021. Balāghah studies of *uṣlūb al-muqābalah* in part 30 of the Holy al-Qur'ān. *Alsuna: Journal of Arabic and English Language* 4(1): 36-55.